

**Jasad Mendiang P.K Subbaiyah Selamat Dikebumi
Bernama
19 April , 2012**

BUTTERWORTH, 19 April (Bernama) -- Jasad mendiang Pengerusi MIC Pulau Pinang Senator Datuk P.K. Subbaiyah selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Masyarakat India Berapit di Bukit Mertajam Khamis.

Subbaiyah, 63, yang dipercayai meninggal akibat serangan jantung ketika tidur semalam, meninggalkan balu Vallini serta dua anak iaitu Gowri dan Ganesh.

Beliau yang merupakan bekas anggota exco kerajaan negeri dan Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Prai selama dua penggal, dilantik sebagai Pengerusi MIC negeri pada 2009 dan dilantik sebagai senator pada April tahun lepas.

Sementara itu Pengerusi MCA Pulau Pinang Datuk Seri Dr Ng Yen Yen yang melawat keluarga mendiang, menyifatkan kematian Subbaiyah sebagai kehilangan besar dalam barisan kepimpinan parti komponen Barisan Nasional (BN).

"Mendiang adalah seorang yang sangat komited pada tugasnya sebagai wakil rakyat dalam BN...ini merupakan satu kehilangan yang besar, tetapi saya percaya semangat perjuangannya tetap kukuh dalam diri setiap anggota MIC," katanya ketika ditemui pemberita di sini.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660277>